

**BAHASA MELAYU BAHASA ILMU PENYUARAAN PENYAIR
DALAM PUISI MELAYU MODEN**

*[THE INTELLECTUAL MALAY LANGUAGE OF POETIC EXPRESSIONS IN
MALAY MODERN POETRY]*

Ani Binti Haji Omar

Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Tanjong Malim, Perak, Malaysia.
ani@fbk.upsi.edu.my

ABSTRAK

Menjadi penyair adalah menjemput peribadi sendiri ke daerah fikir yang ada waktunya penuh dugaan dan perbilangan akal. Penyair sejati tidak lahir daripada bakat alam semata, bahkan terjadi daripada pemikiran yang kritis dan kreatif. Karya seni lahir bukan semata-mata kerana seninya, tetapi berpunca daripada akal dan fikiran yang bening. Sehubungan dengan itu, penyair mampu menyatakan perasaannya melalui kata-kata, kerana penyair sentiasa menjadi pemerhati kehidupan yang peka dan kembali mengungkapkan renungan serta fikiran ke dalam puisi-puisi ciptaan mereka. Mengikut pemikiran logik situasi atau peristiwa yang berlaku dalam masyarakat adalah sumber ilham utama kepada penyair. Hati nurani seorang penyair ialah hati nurani masyarakatnya. Oleh sebab itu adalah menjadi tanggung jawab penyair untuk menyatakan dengan berani dan jujur segala kebenaran yang wujud. Kebenaran dan kejujuran ini lahir daripada rasa tanggung jawab tambahan pula apabila memperkatakan soal bahasa. Penyair juga berkeupayaan mentafsir keadaan semasa, perkembangan-perkembangan yang berlaku dalam masyarakat

bukan sahaja dalam konteks semasa tetapi juga apa yang akan berlaku pada masa yang akan datang. Penyair mahu merakamkan seribu satu peristiwa bersejarah di tanah air masa lalu dan mengkaji serta menjangkakan apa yang mungkin berlaku seterusnya untuk panduan generasi akan datang. Sehubungan dengan itu kertas kerja ini selanjutnya akan memaparkan penyuaan hati nurani penyair dalam puisi Melayu moden berhubung soal bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu untuk dijadikan renungan dan iktibar.

Kata Kunci: Penyair, Puisi Melayu Moden, Bahasa Ilmu, Keintelektualan, Sensitiviti.

ABSTRACT

To become a poet is to invite the self into the thinking realm that sometimes is full of challenges and mental contests. A genuine poet is not necessarily a product of nature alone but he may be borne from a critical and creative mind. An art work is produced not merely out of art alone but through serene mind and thought processes. Therefore, a poet is able to articulate his feelings through words as he is an acute observer of life and is able to translate these observations into poetic expressions. It is logical that those events that occur in a society are the main source of inspiration for the poet. The feelings of a poet are feelings of the people. Inherently, it is on the shoulders of the poet to bravely speak the truth. This honesty and sincerity also applies when he touches on language. The poet must be able to analyse and interpret current events and the latest developments in society and also to predict future occurrences. He should be able to inscribe a thousand incidences that have occurred and predict future events to serve as guidance for the younger generations. This paper asks us to reflect and ponder upon the inner feelings of modern Malay poets in relation to Malay language as the language of knowledge.

Keywords: Poet, Modern Malay Poetry, Intellectual Language, Intelectualisme, Sensitivity .

PENGENALAN

Bahasa Melayu berkembang dengan pesat sejak ia dijadikan bahasa kebangsaan di negara ini. Untuk melaksanakan fungsinya sebagai bahasa kebangsaan, bahasa Melayu terpaksa menangani tugas besar dalam konteks kemerdekaan, iaitu pertama menjadi bahasa pentadbiran, dan kedua menjadi bahasa pengantar pendidikan. Penggunaan bahasa Melayu dalam bidang sains dan teknologi merupakan tradisi yang lebih singkat jika dibandingkan penggunaannya dalam bidang sains sosial dan kemanusiaan. Penggunaannya dalam bidang sains hanya bermula sejak subjek Sains diajar dalam bahasa Melayu di sekolah dan di institusi pengajian tinggi di Malaysia. Dalam konteks inilah, bahasa Melayu harus mampu mengungkapkan ilmu yang bukan sahaja bersifat abstrak tetapi juga melibatkan konsep, proses dan ciri tertentu. Sehubungan dengan itu, mengikut Nik Safiah Karim (1986:14) bahasa ilmu ialah bahasa yang digunakan untuk mengungkapkan ilmu dan memiliki ciri-ciri yang tersendiri. Untuk maksud penulisan ilmu, variasi bahasa terbina menjadi asasnya. Oleh sebab itu, sesuatu bahasa tidak mungkin dapat disampaikan dalam bahasa basahan atau digunakan dalam suasana yang tidak formal.

Menguasai bahasa terbina yang menjadi asas bahasa ilmu, penggunaan bahasa Melayu perlu menguasai ragam bahasa dan juga laras bahasa. Abdullah Hassan (1987:95) pula menyatakan bahasa Melayu yang menjadi bahasa ilmu dianggap sebagai superlek yang harus mempunyai ciri gramatis (betul dari segi nahu), halus (finest), jitu, intelektual, dan elitis. Dalam konteks melihat kemampuan bahasa Melayu sebagai bahasa wahana ilmu, Abdullah Hassan (1997:38) menyarankan pemisahan antara bahasa Melayu ilmu dan bahasa Melayu umum dilakukan. Bahasa Melayu ilmiah dapat diteliti melalui beberapa ciri umum, iaitu peristilahan, tatabahasa, laras dan lain-lain. Untuk menjelaskan ciri khusus sesuatu bahasa ilmiah, Awang Sariyan (1996:259-261) menggariskan sepuluh ciri berdasarkan lima belas ciri yang dikemukakan oleh Johannes (Kongres, 1978). Ciri khusus bahasa ilmiah adalah tingkat bahasa rasmi, nada formal dan objektif, sudut

pendangan orang ketiga, ragam pasif, istilah khusus, wacana pemaparan, nada bersahaja, kata membazir, ayat majmuk dan bantuan ilustrasi.

Bahasa Melayu Bahasa Ilmu

Pelbagai definisi yang telah diberikan oleh ahli-ahli bahasa, sehubungan itu dapatlah dirumuskan bahawa bahasa dapat dilihat dari dua aspek iaitu dari aspek bentuk dan fungsi. Daripada segi bentuknya bahasa dianggap sebagai sejumlah kalimat (ayat) yang tidak terbatas, tetapi mempunyai jumlah perkataan yang terbatas, manakala daripada segi fungsinya pula bahasa dianggap sebagai satu struktur yang unik daripada bunyi-bunyi ucapan yang dipilih dan disusun secara sewenang-wenang (dengan tidak ditentukan atau direncanakan) untuk digunakan oleh sesebuah masyarakat sebagai alat perhubungan. Dari sudut lain bahasa itu harus dipelajari untuk membolehkan seseorang penutur bahasa tersebut dapat memahami setiap ujaran sama ada dari sudut makna luaran maupun makna dalamannya. Dengan cara ini baharulah terhasilnya komunikasi yang bermakna dengan menggunakan bahasa sebagai perantaraannya. Muhamad Saiful Haq (2009) menyatakan bahasa Melayu merupakan bahasa pertuturan yang dominan sebagai medium perantaraan pertuturan dan penulisan yang utama terutamanya di gugusan kepulauan Melayu dan digunakan dengan pesat dalam pelbagai lapisan masyarakat pada masa dahulu. Namun, hal yang tersebut berterusan sehinggalah sekarang.

Dengan kedudukannya sebagai bahasa rasmi di bawah perkara 152 (1) dalam perlembagaan membuktikan usaha untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan perkara tersebut diperkukuhkan lagi melalui Akta Pendidikan yang mewajibkan pengajaran dan pembelajarannya dalam mata pelajaran teras yang diajarkan di sekolah-sekolah bantuan kerajaan. Namun penguasaannya dalam kalangan penutur bahasa Melayu sebagai bahasa kedua masih lagi memperlihatkan kelemahannya. Bahasa Melayu juga dijadikan matapelajaran wajib lulus pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dalam sistem persekolah di

Malaysia. Zainal Abidin Borhan (2009) menyatakan ilmu ialah pengetahuan yang diperolehi daripada maklumat, data, fakta dan kemahiran. Ilmu juga disebut sebagai sains seperti yang difahami di Barat; iaitu persepsi jelas tentang fakta; dan fakta pula ialah perkara yang dapat ditanggapi oleh pancaindera, yang bersifat empirikal. Di dalam persepsi sains Barat, yang non-empirikal tidak dipersepsikan sebagai sains dan ilmu; kerana sains mestilah yang empirikal, rasional dan logikal, serta dapat dibuktikan oleh fakulti akal-fikir manusia, atau rasio manusia. Perkataan ilmu atau 'ilm berasal dari kata Arab yang bermaksud mengetahui. Perkataan 'ilm dalam bahasa Arab merupakan kata jadian dari 'alima; ya'lam-u dan menjadi 'ilm-un, ma'lum-un, 'alim-un. Tiga perkataan ini sudah diMelayukan menjadi ilmu, maklum dan alim-ulama. Begitu juga dengan kata 'alm yang bermaksud tanda (sign). Perkataan ta'allama bermaksud mempelajari; maka 'alim atau 'allama membawa maksud tahu. Dalam bahasa Arab, lawan kepada kata ilm ialah jahil; iaitu tidak mengetahui. Perkataan ilmu yang berasal dari kata Arab, yang berkaitan dengan bahasa Melayu, ialah tahu, kenal, faham, mengerti, bijak dan sebagainya (Dawam Rahardjo, 1996).

Perkataan ilmu di dalam bahasa Inggeris disebut science atau knowledge yang bermaksud pengetahuan. Perkataan science berasal dari kata Perancis, sciens, yang bererti to know atau tahu; atau dalam bahasa Latin, scire yang juga bermaksud tahu, mengetahui, mengerti, mengenal dan sebagainya. Perkataan kenal, seperti hubungan sosial di antara dua manusia, menggambarkan hubungan yang karib, intim atau akrab. Kenal dalam bahasa Arab disebut 'arif, 'arafa dan kata ma'rifah, secara khusus dalam Ilmu Islam bermaksud ilmu pengetahuan; bukan bermaksud ilmu pengenalan; bukan bermaksud introduction atau pengantar. Ilmu pengenalan yang dimaksudkan sesuatu dengan Hadis yang masyhur, "Barang siapa mengenal (arafa) dirinya, maka ia mengenal Tuhannya" (Dawam Rahardjo, 1996). Kalau ilmu pengetahuan berdiri atas dasar kebenaran dan kenyataan yang konkrit dan dapat dibuktikan, puisi berdiri atas kebenaran yang didapati secara ilham dan perasaan. Puisi juga cuba menyelam jiwa dan perasaan manusia lalu menzahirkankannya dalam bentuk

katakata yang indah lagi berseni. Melalui bahasa yang penuh dengan keindahan dan kekuatan kata-kata maka ia mampu menggambarkan kebenaran yang sedang berlaku dan dapat pula memberi gambaran mengikut perspektif penyair perkara yang mungkin terjadi dimasamasa akan datang.

Bahasa dan Kesusasteraan Melayu

Kesusasteraan Melayu tidak terpisah dengan bahasa. Bahasa Melayu ialah medium kesusasteraan Melayu zaman-berzaman. Sejarah peradaban bangsa Melayu menunjukkan bagaimana halusnyanya masyarakat dunia Melayu berkomunikasi dengan penuh kesantunan dan budi bahasa. Oleh itu, pengungkapan budaya tinggi dalam persuratan sesuatu bangsa tidak mungkin tercipta tanpa kekuatan bahasanya. Dalam kalangan cerdik pandai pula ada yang berpendapat bahawa bahasa tidak dapat dipisahkan daripada amalan hidup seseorang. Bahasa bukan semata-mata alat komunikasi tetapi jauh daripada itu, bahasa ialah pembina budaya dan pandangan alam seseorang. Seseorang yang mengabaikan bahasanya, bermakna ia mengabaikan budaya hidup diri dan masyarakatnya. Seseorang yang mengagungkan bahasa juga harus mengagungkan budaya atau sastera bangsanya. Lebih tinggi taraf kebahasan yang digunakan dalam kehidupan lebih tinggi nilai kebudayaan atau sasteranya dan lebih besar pula sumbangan yang dapat diberikannya untuk membangunkan diri, keluarga dan negara.

Bahasa Melayu mempunyai nilai sastera, budaya dan agama yang tinggi. Semangat dan nilai yang terdapat dalam bahasa Melayu boleh menjadi pendorong yang kuat kepada pengamalannya untuk menggerakkan perkembangan ilmu pengetahuan. Bahasa Melayu, sastera dan budaya akan hidup bersama untuk membangunkan masyarakat. Dal hal ini maka lahirlah mereka yang digelar sebagai ahli bahasa yang pakar dalam bidangnya dan sekaligus bergerak seiring dengan para seniman dan sasterawan yang memperindahkan lagi bahasa tersebut. Seperti kata para cendekiawan 'bahasa ibarat pisau, sastera pula kilaunya'. Ismail

Hussein (2008) menyatakan kesedaran yang sebahagian jiwa kita itu tidak akan pupus di bumi, ini memberkan kita kekuatan untuk terus melaungkan keyakinan yang tetap diyakini. Bahawasanya bahasa, tamadun dan kesusasteraan yang kita warisi itu sedia penuh dengan sihir dan ketakjuban, dan ini akan terus menjadi tali pengikat ditambah menjadi kebanggaan kita semua. Dan bangsa kita tetap sangat memerlukannya. Kita tentunya bersedia memeluk segala khazanah yang ada di dunia, tetapi kita tetap bersemadi dengan khazanah kepunyaan kita sendiri. Oleh itu, sia-sialah kalau sengaja dipinggirkan.

Menyedari bahawa sasterawan itu juga merupakan seorang insan seni, maka kedudukan dan peranan serta tanggungjawabnya samalah seperti seniman-seniman yang lain. Seni adalah salah satu cabang kebudayaan yang lahirnya dalam diri seseorang seniman itu, dicetuskan oleh emosi (kehalusan rasa), oleh intelek (akal fikiran). Juga ditambah ilmu pengetahuan, pengalaman, penghayatan, pendidikan dan pembacaan. Juga didorong oleh kemahuan dan bakat semula jadinya, kemudian ditokok tambah dengan minatnya yang penuh terhadap kesusasteraan/kesenian itu tadi. Dari sinilah lahirnya karya kreatif dalam kesusasteraan Melayu antaranya genre puisi yang dihasilkan oleh para penyair.

Penyair dan Puisi Melayu Moden

Puisi berasal daripada perkataan Inggeris 'poem', 'poetry' dan 'verse'. Dharmawijaya (1998:7) menyatakan puisi digunakan sebagai alat menyampaikan fikiran (isi atau tema) yang mendalam dan penuh dengan kebenaran untuk semua zaman. Semua ini terjelma dalam bahasa yang tepat, segar dan penuh kehalusan. Anis Sabirin, (Dewan Masyarakat, 1965:44) yang memetik pendapat John Milton (1608-1674) menyatakan puisi itu seharusnya sederhana, penuh dengan unsur-unsur kepancainderaan dan bernafsu ('simple, sensuous and passionate'). Beliau seterusnya memetik pendapat T.S. Coleridge yang berpendapat (1772-1834) puisi itu ialah kata-kata terbaik dalam susunan yang terbaik ('the best words in the best order'), sementara William Wordsworth

(1770-1850) menyifatkan puisi sebagai perasaan-perasaan yang dirasakan kembali dalam ketenteraman ('emotions recollected in tranquility'). Seterusnya, Anis Sabirin berpendapat puisi ialah tulisan berirama, terikat oleh bentuk lahir yang tertentu, dan mengutamakan keindahan dan daya khayal (imagination) untuk mencapai kebenaran. Kamaruzzaman Abd.Kadir, (Mastika, 1992:46) menyatakan puisi ialah ekspresi tentang pengalaman manusia secara imajinasi dan terjelma dalam bentuk-bentuk struktur terkawal serta bahasa yang indah untuk menemukan nilai rasa dan nilai erti yang seimbang. Ciri utama puisi, ia mengandungi unsur-unsur emosi, imajinasi dan akal budi. Kesan daripada ketiga-tiga unsur tersebut lebih banyak memancarkan keinginan serta kecenderungan penyair mengungkapkan pelbagai sentuhan rasa dan tanggapan mata hatinya. Ini antaranya, terjelma sebagai harapan, cita-cita, impiannya serta hubungan manusia dengan masyarakat atau persekitarannya.

Za'ba (1965:28) pula menjelaskan puisi ialah karangan berangkap yang khas dipakai untuk melafazkan fikiran yang cantik dengan bahasa yang indah dan melukiskan kemanisan serta kecantikan bahasa. Sebagai karangan berangkap, puisi itu disusun dengan bahagian yang berkerat-kerat. Di antara sekerat dengan sekerat itu, biasanya berjodoh bunyi atau rentak atau isinya serta kebanyakannya memakai timbangan atau sukatan tertentu. Definisi yang dikemukakan oleh Za'ba, ternyata lebih memberikan penekanan kepada struktur fizikal puisi, iaitu mempunyai rangkap, berkerat-kerat atau baris-baris, berjodoh bunyi atau rima dan timbangan atau sukatan tertentu yang dapat diertikan jumlah suku kata dalam setiap baris. Seperti yang telah dijelaskan oleh Za'ba tentang puisi, didapati dalam perkembangan puisi Melayu terdapat para penyair yang memasukkan ciri-ciri tersebut dan pengaruhnya masih kelihatan sehingga abad ke 21.

Seterusnya, puisi mengikut Muhammad Hj. Salleh (1984:11) ialah bentuk sastera yang kental dengan muzik bahasa serta kebijaksanaan penyair dan tradisinya. Dalam segala sifat kekentalannya itu maka puisi setelah dibaca akan menjadikan pembaca lebih bijaksana. Dengan ini jelas puisi Melayu tidak sahaja

mengandung keindahan bahasa dan kehalusan pernyataan perasaan, tetapi jauh lebih penting bahawa ia telah diimbangi oleh pernyataan pemikiran iaitu segala bentuk renungan, perbincangan dan tafsiran tentang hidup dan kehidupan serta manusia dan segala persoalan yang berkaitan dengannya. Rumusannya, puisi ialah rakaman perasaan dan sensitiviti penyair hasil daripada pemikiran yang kreatif, diadun dengan kemantapan bahasa yang puitis dan padu.

Puisi boleh mendorong pembaca ke arah memperkaya imaginasi, membina keintelektualan, menyuburkan dan menjernihkan emosi supaya mereka menjadi lebih bersopan santun, bijaksana dan penuh dengan ciri-ciri kemanusiaan. Untuk kertas kerja ini puisi Melayu moden yang dikaji terdiri daripada 73 buah puisi yang dihasilkan oleh 58 orang penyair tanah air. Hanya puisi yang terpilih akan dikemukakan untuk mewakili penyuaran para penyair terhadap perkara utama yang dibincangkan, iaitu 'bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu'. Selepas Keranda 152 (1968) dan Sumpah Setia Bahasa (1999), Manuskrip Luka Bangsa (2006) ialah kesinambungan cinta sejati sekelompok seniman penyair kepada bahasa ibundanya. Kumpulan puisi ini adalah satu gerakan yang menggabungkan sejumlah penyair veteran dan muda tanah air yang berasa terpanggil untuk menyatakan keputihan cinta mereka kepada bahasa ibundanya.

Bahasa Melayu Bahasa Ilmu Perspektif Penyair dalam Puisi Melayu Moden

Sebuah puisi, seperti juga cipta sastera atau karya kreatif lainnya ialah ungkapan atau pengucapan perasaan dan pemikiran penyair yang menyatu secara utuh. Ungkapan yang menyatu itu terdiri daripada beberapa unsur. Ini bertepatan pula dengan pendapat I.A.Richards, yang dipetik oleh Henry Guntur Tarigan (1984:9) yang menyatakan bahawa sebuah puisi mengandungi suatu makna keseluruhan yang merupakan kesatuan dari tema, perasaan, nada dan amanat. Pernyataan ini bertepatan dengan penyuaran A.Aziz Deraman dalam puisinya "Adalah Bahasa" seperti rangkap berikut;

Adalah bahasa
Satu ayat yang disebut
Satu baris ditulis
Pengaruhnya bicara
Menjelajah budaya.

Adalah bahasa
Sejarahnya menelusuri
Akar daerah tersurat
Akar wilayah tersirat
Lihat keluasan
Kaji kedalaman.

Begitu juga dengan pendapat Abdul Hadi Yusoff, bahasa Melayu telah tersohor sejak sekian lama sebagai bahasa ilmu seperti mana yang telah diusahakan oleh Pendeta Za,ba, demi kelangsungan kemajuan anak bangsanya seperti yang diungkapkan;

Degup batin tinta menyirat hasrat
Memanjat cita munsyi sejagat
Senafas menterjemah makna setia
Mengisi warna menakjub mesra
Bermula bahagia selepas air mata pendeta.

Dari nadi budi bangsaku
Wangi kembali harmoni bicara
Sahut kumandang menyusuri saujana
Membalut resah lagu kalbu
Berkumpul menyanyi rangkap damai
Senandung manis rindu-rindu.

Seperti kata Awang Sariyan (2008) keunggulan bahasa, persuratan dan tamadun Melayu tertayang pada babak-babak sejarah pertumbuhan dan perkembangannya dari zaman ke zaman, iaitu sejak nenek moyang bangsa Melayu sebagai anggota rumpun bangsa besar Austronesia itu pula telah melalui jalan sejarah di

Kepulauan Melayu tidak kurang daripada dua alaf. Dalam tempoh yang panjang itulah berlangsungnya gerakan atau perjuangan bangsa Melayu yang secara langsung menjadi asas terbentuknya keunggulan bahasa, persuratan dan tamadunnya yang kita warisi dan kita usahakan pelestariannya hingga kini. Demikian juga penyuaran A.Hamid Jemain dalam puisinya "Bahasa Pendita" yang mengungkapkan bahawa Pendeta Za'ba antara mereka yang telah berusaha menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu sejak dahulu lagi;

Bercakap hal-hal yang bijaksana
Lembut sopan dan berilmu
Diungkap sebagai lidah agungnya
Dicapai dari pengalaman kebangsaan
Dirujuk untuk panduan

Zikir bahasa penuh tertib
Indah untuk dihayati
Sebagai lidah komunikasi
Cerminan bahasa
Memelihara tutur yang sarat
Makna tersurat dan tersirat.

Puisi juga akan lebih banyak memancarkan keinginan serta kecenderungan penyair mengungkapkan pengalaman mata hatinya. Pengalaman tersebut antara lainnya ialah tentang sejarah kegemilangannya, demikiian yang mahu diungkapkan oleh Ahmad Sarju dalam "Dirgahayu Bahasaku" seperti berikut;

Sejarah bangsa mencatatkan kegemilangan
Ke Barat dan ke timur menjalin persaudaraan
Gagah pelautku membelah lautan
Ke utara dan ke selatan bahasaku mencangkam
Dari pulau ke pulau menggilap mutiara silam.

Dirgahayu bahasaku
Di arena antarabangsa suaramu tumbuh
Menusuk kalbu lagu bahasamu
Bahasamu bahasa minda
Mudah akrab dab bertatasusila
Daripada bangsa yang bernama Melayu
Menempa kejayaan di alaf baharu.

Bahasa Melayu dalam zaman Kesultanan Melayu benar-benar menjadi tonggak tamadun kerana digunakan dalam segenap lapangan kehidupan – pentadbiran, undang-undang, diplomasi, perdagangan, ilmu dan pendidikan. Kehebatan bahasa Melayu pada abad ke-16 dirakamkan oleh sarjana Belanda Francois Valentijn sebagai yang berikut: "Bahasa mereka, bahasa Melayu, bukan sahaja dituturkan di daerah pinggir laut, tetapi juga digunakan di seluruh Kepulauan Melayu dan di segala negeri Timur, sebagai suatu bahasa yang difahami di mana-mana sahaja oleh setiap orang, tidak ubah seperti bahasa Perancis atau Latin di Eropah, atau sebagai bahasa Lingua Franca di Itali dan di Levant. Sungguh luas tersebarunya bahasa Melayu itu sehingga kalau kita memahaminya tidaklah mungkin kita kehilangan jejak, kerana bahasa itu bukan sahaja difahami di Pasai bahkan lebih jauh dari negeri itu, dan di sebelah timurnya sehingga Kepulauan Filipina." (Nik Safiah Karim et al., 2003:14).

Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu harus terus diperkasakan walau dilanda panahan suria globalisasi, seharusnya bukan untuk mencairkan, malah menuntut teduhan, olahan, tapisan agar manfaat cahayanya tetap ampuh bersaing terus menyinar dan menerangi. Ribut teknologi bukan untuk mabadai, tetapi menjadi kayu ukur sejauh mana kekuatan pasak yang terbina sejak sekian lama. Demikian yang hendak disampaikan oleh Ahmad Sarju dalam puisinya "Bahasa Pejuang" seperti rangkap berikut;

Bahasa perkasa
Tak mungkin luntur
Tak mungkin hancur Tak mungkin hilang

Tak mungkin tenggelam
Di bumi warisan moyang.

Bahasa pejuang
Ditenun dengan kewarasan
Dilontarkan dengan keberanian
Tajam dan menusuk
Memupuk kebenaran
Menghimpun perpaduan.

Puisi di atas juga membawa maksud bahawa di Malaysia tugas pengukuhan bahasa Melayu boleh dilihat dalam dua aspek. Pertama sebagai bahasa Malaysia yakni bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi yang mempunyai nilai ekonomi serta bahasa perpaduan bangsa yang benar-benar diamalkan oleh semua kaum atau seluruh masyarakat tanpa dipengaruhi prejudis, sentimen kaum serta politik yang sempit. Kedua, sebagai bahasa Melayu yakni bahasa yang merentasi variasi dan versi kebangsaan itu, sesegera yang mungkin dibawa melangkah keluar atau mengukuhkan keberadaannya di pentas antarabangsa dengan langkah penuh hikmah lagi bijaksana. Aspek kedua itu ialah tugas antarabangsa yang tidak mudah dicapai selagi minda dan perasaan umatnya dikongkong oleh pemikiran orang lain, dihantui oleh ketidakpastian dan tanpa wawasan.

Elena Taneva, (Berita Harian, 2003:5) menyatakan puisi juga adalah seperti anyaman tiga riben; sebuah riben ialah kebenaran, riben yang kedua ialah khayalan, dan riben yang ketiga ialah muzik. Menurutnya, seharusnya seorang penyair mempunyai misi kenabian, menjadi perantara antara langit dan bumi dan wajib menanam rasa keadilan, kejujuran dan kedamaian dalam jiwa insan. Sehubungan dengan itu Awang Sariyan dalam puisinya "Hakikat Bahasa" telah mengungkapkan makna harga diri dalam memperkasakan bahasa Melayu seperti rangkap berikut;

Usah dibiarkan
bahasa kita hanyut mencari nasibnya

Sendiri

Dirempuh tsunami globalisasi

Tersirna dalam kealpaan sendiri

Dik terkesima dalam mencari tamadun mithali

Hingga lupa akan sejarah gemilangnya

sejak zaman bahari

Lupa akan tamadun yang telah bersemi

Dalam wacana bahasa Melayu yang alami

Dengan barisan pujangga bestari- Hamzah Fansuri,

Nuruddin al-Raniri, Abdul Rauf al-Singkali,

Syamsudin al-Sumaterani, Syekh Abdul Samad al- Falimbani,

Syekh Muhammad Arsyad al-Banjari,

Syekh Daud al-Fatani,

Raja Ali Haji dan warisnya hingga kini.

Marilah kita lestarikan

Sendi tamadun dan akal budi bangsa

Anugerah Allah Rabbul alamin

Dalam membina jati diri

Dalam membina kekuatan peribadi

Dan dalam membina harga diri

Awang Sariyan (2008) menegaskan bahawa salah satu kesan langsung daripada penerimaan Islam ialah wujudnya faham dan kesedaran kebangsaan yang meluas dalam kalangan bangsa Melayu. Hal ini dimungkinkan oleh faktor persamaan aqidah dan amalan kehidupan dan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pemersatu (termasuk peranan tulisan jawi). Di seluruh Kepulauan Melayu muncul pusat-pusat intelektual yang melahirkan ulama', pemikir dan pujangga besar dalam kalangan orang Melayu dan juga yang datang dari luar alam Melayu (Nuruddin al-Raniri, misalnya, yang berasal dari Gujerat). Hamzah Fansuri, Syamsudin al-Sumaterani, Nuruddin al-Raniri Abdul Rauf al Singkili, Abdul Samad al-Falimbani, Syekh Muhammad Arsyad al-Banjari, Syekh Daud Fatani, Raja Ali Haji dan beberapa banyak lagi nama besar lain terakam dalam sejarah bangsa Melayu sebagai tokoh yang

berperanan mengikat semangat persatuan dan kebangsaan serta pandangan sarwa melalui pemikiran dan ilmu.

Sehubungan dengan itu Syed Muhammad Naquib (1972) menekankan bahawa kedatangan Islam telah membentuk hakikat bahasa Melayu baharu, sebagaimana yang berlaku dalam tamadun bangsa lain yang menerima Islam, terutama dengan pengenalan akan peristilahan dasar yang membayangkan faham-faham dasar yang menayangkan pandangan alam serta kehidupan yang dialami. Dengan perkataan lain, Islam telah memperkenalkan dan memasukkan sekian banyak kosa kata yang mewakili tasawur dan pandangan sarwa Islam dalam aspek sistem kepercayaan dan dalam segala aspek kehidupan masyarakat. Demikian juga Islam telah memberikan acuan baharu kepada wacana bahasa Melayu dengan pengenalan akan pelbagai bentuk wacana yang sebelumnya tidak ada tamadun Melayu, seperti wacana undang-undang (seperti Hukum Kanun Melaka), wacana ketatanegaraan (seperti Tajul Salatin), wacana persejarahan atau historiografi (seperti Sulalatus Salatin, Hikayat Aceh, Hikayat Raja Pasai) dan pelbagai bentuk susastera prosa dan puisi.

Puisi bukan sahaja menyerikan kehidupan manusia, menghayatinya menginsafkan akan nasib bangsa. Muhammad Saiful Haq Hussin, (Berita Harian, 2003:4) menyatakan puisi ialah cermin pengalaman penyair dalam ruang lingkungan sosiobudaya hidupnya. Sebagai ciptaan seni, puisi membawa kreativiti penyair dalam menggarap idea melalui bahasa, imaginasi, emosi, pemikiran dan akal budi sehingga tersimpul dalam estetika yang tinggi nilainya dan tetap 'evergreen'. Melalui puisi "Penggerak Hikmah" Mahaya Mohd Yassin mengungkapkannya seperti berikut;

Mereka pembawa obor
Berhemah dan bersyukur
Bakat keunikan digilap
Petunjuk kabur
Dengan sekepal cekal
Sehama harap
Sekudus doa

Biar jelas yang berjalan
Biar nyata yang meraba
Biar berkat yang tersesat
Meski kepayahan
Menerjah satu demi satu
Meski cabaran menghujam
Beribu-ribu

Kerana nawaitu yang padu
Mereka memperkasa ilmu
Mereka ialah pelengkap
Arahan Iqrah dan memperindah
Kehidupan dunia akhirat.

Seterusnya, Ahmad Kamal Abdullah (1990:115) menyatakan puisi bukan hanya sekadar luahan emosi melulu, tetapi merupakan suatu harmoni antara emosi dan intelek, suatu gabungan yang indah antara rasa halus yang boleh sahaja bersifat 'divine' ataupun kemanusiaan. Interaksi dengan ilmu dalam pelbagai disiplinnya termasuk ilmu falsafah turut menyentuh perhatian penyair. Sehubungan dengan itu Mohamad Kholid Hamzah melalui puisinya

"Anak Muda Berjulung Tekad" telah mengungkapkan mengenai bahasa ilmu seperti berikut;

Pada gelombang rasa meronta
Pada angin resah tak kunjung reda
Pada bahasa yang di hujung lidah
Dan tinta yang tinggal setitik
Cuma Di mata pena- tanpa wajah khatnya
Terbungkam di ingatan hayat
Dan batu-bata putih penanda usia
Tanpa bahasa – bangsa hilang tak berkubur
Tanpa budaya – bangsa akan bertopeng wajah
Dan kisah luka ini akan terpahat dalam lipatan sejarah
Anak bangsa berjulung tekad – bahasa ibunda tercinta!

Siti Zainon Ismail (1994:28) menyatakan penyair mencipta puisi lantaran rasa dan jiwa yang menggelombang, terharu oleh bantuan kepekaannya terhadap alam persekitaran. Namun dalam puisi "Permainan Bahasa" Zahari Hasib telah menggunakan perlambangan alam untuk mengungkapkan bahawa bahasa Melayu mampu menjadi bahasa ilmu walau dalam apa jurusan sekalipun;

Bahasa apakah yang dimainkan
Oleh angin itu
Sehingga demikian nyaman
Berdesir Lalu menidurkan seekor kucing
Di halaman tangga

Bahasa apakah yang diungkapkan
Oleh ombak
Sehingga mampu mendamparkan
Permaidani Biru
Membuatkan sepasang camar Lena dan bermimpi
Menjadi perindu
Bahasa apakah yang didendangkan
Oleh daun Justeru dari kehijauannya
Membuatkan tiap hati terpaut
Dan mata jadi sejuk memandang

Umar Junus (1981:4) pula menyatakan puisi merupakan susunan kata untuk mengemukakan suatu pemikiran. Perkara ini jelas seperti dalam puisi "Manuskrip Luka Bangsa" Shukri Abdullah menyatakannya pemikirannya mengenai nasib bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu seperti berikut;

Berbahasalah dengan fasih lidah
Pendeta dan kemuliaan para aulia
Dipinjam daripada kesucian kalam
Yang melengkapi seluruh kehidupan. ...

Dengan ampuh kesedaran
Ayuh, segera kita padamkan
Api sesal dalam sekam
Kita patahkan gunting hasutan dalam lipatan
Kita tanggalkan topeng para musang berbulu ayam

Kembali kita nyalakan kandil hakiki
Menyuluh arah haluan yang murni
Dengan tekad suci
Menggilap kembali permata sejati.

Berdasarkan puisi di atas dapatlah diperkatakan bahawa sejarah perjuangan bangsa kita telah membuktikan kemampuan mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi, bahasa perpaduan dan bahasa ilmu serta bahasa perhubungan dan bahasa perantara. Setelah lebih 50 tahun merdeka, dasar-dasar kenegaraan seperti dasar pendidikan kebangsaan dan dasar bahasa kebangsaan telah menyatukan rakyat menerusi penggunaan bahasa yang sama. Jelas dihadapan kita, bahasa Melayu berkembang sebagai bahasa ilmu. Ratusan ribu siswazah menerima ilmu dalam bahasa Melayu. Ratusan tesis sama ada peringkat sarjana mahupun kedoktoran ditulis dalam bahasa Melayu. Tenaga kerja profesional, pendidik dan penyelidik dapat mengungkapkan ilmu-ilmu dalam bahasa Melayu. Semua ini tidak terhadap pelajar Melayu sahaja, malah telah melibatkan semua kaum di negara ini. Selanjutnya puisi "Manuskrip Luka Bangsa" ada mengungkapkan seperti berikut buat peringatan kepada kita semua;

Membunting harap hasil cantuman cinta
Namun yang lahir sesal semata
Berkurun mereka mencari tapak
Mengukuhkan tiang seri pusaka
Sesaat, kelekaan kita meruntuhkannya.

Apalagi yang tersisa di tinta jiwa
Buat dititipkan ke manuskrip bangsa
Selain pedih luka yang tak sempat dibebat
Lalu darahnya terpercik di laman ibunda.

Hakikatnya kini disaat kita berbangga bebas daripada tangan penjajah sempadan, memiliki kedaulatan tanah air, berjiwa merdeka, kita membuka ruang kepada penjajah halus bahasa dan budaya asing. Lalu kita adunkan bahasa dan budaya asing ini dalam acuan kita, sedangkan kita mahu membentuk acuan sendiri. Abdul Ghani Othman (2008) berpendapat inilah kemelut dalam jiwa kita yang sejak dulu lagi senantiasa menjadi isu dalam kalangan orang Melayu. Seawal pada pertengahan abad ke-19 sekitar tahun 1840-an, Abdullah Abdul Kadir Munsyi dalam buku Hikayat Abdullah telah mengkritik orang Melayu, "...tinggal dalam bodohnya, oleh sebab ia tiada mahu belajar bahasanya sendiri, dan tiada mahu menaruh tempat belajar bahasanya itu...bukankah segala bangsa-bangsa yang lain dalam dunia ini masing-masing ada belajar bahasanya, melainkan orang Melayu?..." Sehubungan dengan itu Abdullah Munsyi pengarang terkenal yang hidup kira-kira 170 tahun yang lalu telah menyedarkan orang Melayu supaya memajukan bahasa Melayu, menggunakannya dengan betul, melalui pembacaan, dan penulisan agar bahasa Melayu berkembang luas sebagai asas kepada tamadun bangsa. Sikap orang Melayu yang suka meremehkan bahasanya sendiri juga terungkap dalam Kisah Pelayaran Muhammad Ibrahim Munsyi (1972) ketika melawat bandar Kelang yang ketika itu ditadbir oleh Tengku Kudin, menantu Sultan Abdul Samad, Selangor, apabila beliau menyindir; "...adapun adat-adat yang diperintahkan oleh Tengku Kudin dan nama-nama jalan dalam itu mengikut Inggeris belaka tetapi berlebihan kurang sahaja.

Maka nama-nama jalan itu ditubuhnya seperti: King Street, Beach Street, Market Street, China Street,... maka aku bertanya pula dan berkata: sayang sekali apa sebab Kelang ini negeri Melayu dinamakan jalan dan pekerjaanya semua mengikut nama Inggeris, jika dibubuh nama cara Melayu alangkah bagusnya..." Zaman yang

dilalui oleh Muhammad Ibrahim Munsyi seorang intelektual dan pengarang Melayu Johor yang hidup pada zaman Maharaja Abu Bakar kira-kira 160 tahun yang lalu kini terjelma kembali. Ramai yang mahu berkata marilah kita memartabatkan bahasa Melayu, sesuai kedudukannya sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi. Mereka menyeru agar bahasa Melayu tidak dipinggirkan. Namun pada hakikat sebenar, penghormatan kepada bahasa Melayu dalam pendidikan, pelbagai majlis dan urusan rasmi, mulai terhakis. Semuanya berlaku atas nama pemodenan, globalisasi, daya saing antarabangsa dan ada apa sahaja istilah serta konsep yang kononnya tidak konservatif. Kemudian ada pula pihak yang mempertikaikannya dan memperjuangkan agar bahasa Melayu dikembalikan kepada tempatnya dalam utusan yang disebutkan tadi, maka mereka dilabelkan sebagai nasionalis bahasa atau nasionalis Melayu.

Sebenarnya, mempertahankan penggunaan bahasa Melayu dalam segenap bidang bukan soal perjuangan bahasa dan 'Malay Centric'; bukan ideologi mahupun nasionalistik. Bahasa Melayu seperti yang disebutkan sedari awal adalah instrumen kepada pelbagai keperluan kehidupan rakyat berbilang kaum di negara ini, terutama sebagai lingua franca dalam perniagaan, pentadbiran, perundangan dan sebagai bahasa ilmu. Ahmad Kamal Abdullah (1990:xi) menyatakan penyair yang ideal ialah penyair untuk kehidupan yang universal. Bagi penyair yang sejati, ia adalah kepunyaan seluruh manusia. Puisinya bukan hanya untuk segelintir kecil masyarakatnya, tetapi karyanya boleh juga dinikmati oleh manusia di mana-mana sahaja. Oleh yang demikian, puisi sebagai sebuah karya seni tidak terkecuali mampu dan bertanggung-jawab untuk menyampaikan sesuatu mesej, sama ada secara langsung mahupun tidak langsung, secara tersirat atau berlapisan maknanya. Demikiran yang hendak diungkapkan oleh Shamsudin Othman dalam puisi prosaiknya "Lewat Musim Bersemi Sengsara", mempunyai maknanya yang mendalam seperti rangkaprangkap berikut;

Seorang bahasa bersila di depan dupa setinggi sambil melafaz tahmid dan zikir. Dia wira tabah yang tak pernah mengenal makna pedih. Dia hulubalang tegar yang tak pernah merintih. Dia pendekar sakti yang tak pernah tersihir dengki. Dan dia pujangga berani yang tak pernah mati. Tapi aneh, kerana ketuanan Melayu dirinya tergadai janji. Bermula dengan aksara dia dituduh tidak berilmu di persada globalisasi. Kemudian dari terbit kata hingga merangkul wacana dia difitnah kerana konon gagal membenih bijaksana.

Hari ini, kerana ketuanan itulah juga, dia berdiri sambil mengatur langkah – menghunus derhaka taming sari dan memulakan persilatannya. Dan hari ini, setelah bermandi harum tujuh bunga dari air tujuh telaga; air- api – angin- tanah bersatu dalam diri. Detik yang dinanti-nantikan akhirnya menjadi igauan. Rindu menjadi gelora. Cinta menjadi neraka. Sayang menjadi badai. Kasih menjadi pusara tak bernisan.

Seorang bahasa bukan lembu yang boleh dicucukhidungkan. Seorang bahasa adalah maruah yang ditangan dan akal kita dinobatkan.

Sesungguhnya bahasa Melayu ialah produk kita. Usaha memperjuangkannya adalah usaha berterusan, dan dengan perubahan-perubahan yang dapat menyesuaikan diri dengan cabaran zaman. Ternyata tempoh masa lebih setengah abad yang kita lalui telah memperlihatkan kemampuan bahasa kebangsaan kita. namun, tanpa dukungan politik yang kukuh seperti dekat-dekat awal kemerdekaan kkita, bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi akan hanya gagah dalam perlembagaan (Hamzah Hamdani:2008). Semoga dengan itu kempen memperkasakan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu bukan sekadar kempen politik Malaysia yang menjunjung Perlembagaan Negara pada perkara 152, yang menjadi satu daripada prinsip Rukun negara iaitu Keluhuran Perlembagaan, sudah sewajarnya mendukung usaha ini. Seharusnya negara kita bukan sahaja menjadi negara merdeka malah yang lebih utama

harus menjadi negara berdaulat, yang mempunyai jatidiri melalui bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, bahasa ilmu pengetahuan dan bahasa kreatif. Seterusnya, Hashim Awang (1985:295) menyatakan puisi bukannya sesuatu yang mati. Ia penuh dengan estetik, dihias pula dengan berbagai-bagai gaya yang merupakan identiti tertentu sang penyair. Selain daripada wujudnya sesuatu perutusan, pesanan, tujuan atau apa sahaja yang terangkum dalam sesuatu pola yang lebih besar temanya, puisi juga mengandungi beberapa bentuk keindahan atau daya estetik. Keindahan kata-kata ini jelas tergambar dalam puisi Pau Nanggung berjudul “Bahasaku Bahasa Melayu” seperti berikut;

Menjulung tinggi
Gagah perkasa aksaramu
Bahasa Nusantara Melayu
Sama angkat martabat
Di gugusan pulau dan lautan
Di diapora seantero jagat raya
Di pelosok mandala cakerawala.

Bahasaku Perlembagaan bangsa Malaysia
Perkara 152 sudah ditinta
Sumpah janji setia dimeterai
Menomborsatukan bahasa Melayu
Di persada ilmu
Memercukan wacana dan wahana
Falsafah lewat bangsa Kita
Melayu se-Nusantara diaspora.

Mengikut Ahmad Kamal Abdullah (1990:52), puisi dalam tanggapan Islam meletakkan isi atau pemikiran di tempat pertama, kemudian soal penyusunan kata yang bersangkutan dengan aspek komunikasi daya pengucapan dan unsur-unsur stilistik di tempat berikutnya. Oleh itu soal teknik dan keindahan diambil kira apabila mencipta puisi. Seperti yang dijelaskan oleh Imam al-Ghazali, keindahan karya Islam lebih menjurus dan memukau jiwa manusia

yang bersifat rohaniyah serta qalbiah, dan bukannya jasadiah. Keindahan bahasa misalnya, seharusnya yang dapat merangsang keheningan sukma dalam mengocakkan rasa mendekatkan diri kepada Allah S.W.T., dan jiwa rasa berdetik untuk menerima kelemahan insan dan keagungan Ilahi. Bukannya bahasa yang dapat merangsang indera, apalagi bersifat pembangkit jiwa/nafsu jasadiah. Sesungguhnya, keindahan yang dapat menyuburkan akal dan menjayakan batin lebih diutamakan dan dihargai dari keindahan sastera yang menggoda sifat-sifat zahiriah manusia. Sehubungan dengan itu daripada analisis yang telah dilakukan didapati kesemua penyair telah mengungkapkan dengan penuh berhemah dan menyampaikan maksud secara tersurat mahupun tersirat mengenai bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu sesuai dengan fungsi seorang penyair juga sebagai sebagai seorang khalifah menyampaikan dan menyuarakan mengenai bahasanya di tanah airnya yang seharusnya diangkat dan dipersadakan se bagai bahasa ilmu dalam apa juga masa dan keadaannya. Rumusnya, puisi adalah hati dan jiwa penyair, ia lahir daripada perasaan yang suci dan ikhlas. Di dalamnya tergambar segala macam persoalan dan pemikiran yang diungkapkan melalui bahasa yang indah, dan juga menjadi cerminan akal budi penyair yang luhur.

KESIMPULAN

Tanggungjawab dan peranan untuk memperkasakan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu terletak di atas bahu setiap pihak terutamanya semua lapisan rakyat dan penduduk, ini kerana siapalah lagi yang diharapkan untuk mendaulatkan bahasa Melayu kalau bukan warganya sendiri. Memperkasakan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu adalah demi kesinambungan dan 'survival' satu bangsa yang memiliki jati dirinya yang tersendiri. Sebagai warisan bahasa ibunda, mengabaikannya bermakna kita akan kehilangan identiti dan khazanah bangsa sendiri. Demikian antara penyuaannya oleh para penyair tanah air melalui medium puisinya. Sehubungan itu puisi mampu menghubungkan dirinya kepada masyarakat sebenar, dan penyair ialah makhluk yang

menerima tugas daripadanya. Jika sejarah merupakan catatan tentang perjalanan hidup sesuatu bangsa atau masyarakat, peradabannya, kejayaannya, kemajuannya, soal masyarakatnya yang gagal dan berjaya, maka melalui genre puisi sejarah bangsa atau masyarakat itu dipandang dari dalam genre tersebut. Dengan membaca dan menghayati karya puisi sesuatu bangsa, maka kita akan memahami cita-cita, harapan dan kemahuan anggota masyarakat atau bangsa itu, dan sejauh mana perkembangan intelek dan jiwa mereka.

Oleh itu persoalan dicari dan dibentuk dalam bahasa; wawasan dilayangkan diantaranya. Bahasa disusun untuk keindahan, makna dan pemahaman masyarakat. Sekiranya puisi hanya berkubang dalam lubuk keindahan bunyi bahasa sahaja maka kita mungkin merasakan bahawa tugas terpenting puisi untuk membawa kebijaksanaan penyair, telah diabaikan, dan yang kita temui, hanyalah untuk sementara sahaja. Karya yang lebih penuh itu harus membawa pelajaran tentang kehidupan untuk pembaca/pendengarnya. Masih banyak yang perlu dibicarakan, walaupun tidak harus kita lupa bahawa puisi itu sebahagian daripada seni sastera, dan seni perlu dipertingkatkan dan dimertabatkan sebagaimana ia harus seiring dan seirama dengan pemantapan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu.

RUJUKAN

- Abdullah Hassan (1987) *Isu-isu Pembelajaran dan Pengajaran Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Hassan (1997) *Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu dan Esei-esei Lain*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Abdul Ghani Othman, (2008) "Bahasa Itu Jati Diri" dalam *Kemerdekaan dan Perhambaan*, Kuala Lumpur : Penerbit GAPENA.
- Ahmad Kamal Abdullah.(1990) *Gagasan-Gagasan Esei-Esei Puisi Melayu Moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Ahmad Kamal Abdullah (peny). *Kesenian Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1990.
- Anis Sabirin. (1965) "Puisi Suatu Perbincangan Teknik". *Dewan Masyarakat*, Disember 1965:44.
- Awang Sariyan (1996) *Warna dan Suasana*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Dharmawijaya.(1998) *Dunia Puisi Dalam Penelitian dan Pengajaran*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Elena Taneva. (2003) "Takrifan Puisi". *Berita Harian* 8 Januari, 2003, Ruangan Sastera dan Budaya:5.
- Hamzah Hamdani, (2008) "Memperkasakan Bahasa Melayu: Menjunjung Kedaulatan Bangsa". dalam *Kemerdekaan dan Perhambaan*. Kuala Lumpur: Penerbit GAPENA.
- Hashim Awang (1985) *Mendekati Kesusasteraan Melayu*. (peny). Petaling Jaya: Penerbitan Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Henry Guntur Tarigan. (1984) *Pengajaran Gaya Bahasa*. Bandung: Penerbit Angkasa.
- Ismail Hussein. (2008) 'Era Pancaroba' dalam *Kemerdekaan dan Perhambaan*. Kuala Lumpur: penerbit GAPENA.
- Kamaruzzaman Abd. Kadir (1992) "Bahan Pendidikan Kesusasteraan: Puisi Moden". *Mastika*, Mac, hlm.46.
- Muhammad Saiful Haq Hussin.(2003) "Pemikiran Perdana Menteri dalam Setiap Puisinya". *Berita Harian* 13 Januari 2003, Ruangan Sastera dan Budaya, hlm.4.
- Muhammad Saiful Haq b. Hussin. (2009) *Kertas kerja "Multimedia: Pengajaran Asas Bacaan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua"*, dibentangkan dalam *Persidangan Antarabangsa Melayu Beijing*.
- Muhammad Hj. Salleh. (1984) *Pengalaman Puisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim (1986) *Bahasa Melayu Tinggi*. (Ed) Kuala Lumpur: Persatuan Linguistik Malaysia.
- Nik Safiah Karim (1986) *Bahasa Melayu: Persoalan dan Pergolakan*. Kuala Lumpur: Gateway Publishing House Sdn.Bhd.